



Ahmad Abdul Rahman 945 Bagan Dalam Batarusan,

demikian juga yang lain-lainnya.

bertanya: Baru-baru ini boleh dikatakan di segenap tempat di Persekutuan dan Singapura telah mengadakan upacara perayaan kerana membesarkan Nabi (SAW). Setengahnya mengarak dan mengusang al-Qur'an berkeliling kampung dan sebahagian lain pula dengan kederaan kuda berkeliling pekan dan bercampur lelaki perempuan bersambutan pula dengan gendang dan nyanyian kerana menyukakan.

Dengan keterangan-keterangan yang tersebut ini terjawablah sudah pernyataan-pernyataan saudara di dalam mana perayaan nuzul al-Qur'an percampuran di antara lelaki dan perempuan, dan lain-lain itu semata-mata bertentangan dengan pengajaran al-Qur'an tepatnya dengan pengajaran Islam.

\*\*\*

Fama, Kota Bharu Kelantan bertanya:

Kerajaan Kelantan telah melantik beberapa orang penyelia agama untuk menyelia dan mengajar agama kepada orang-orang kampung supaya membetulkan dari hal amal ibadat mereka.

Nampaknya penyelia-penyelia itu selalu datang ke masjid-masjid dan memberi syarahan-syarahan sahaja bukanlah datang mengajar dan membetulkan berkenaan amal ibadat yang dibuat oleh orang-orang kampung.

Pada suatu hari saya telah sembahyang Jumaat di sebuah masjid dalam suatu kampung, jauhnya lebih kurang 14 batu dari Kota Bharu Kelantan, sedang saya duduk membaca *al-Tahiyyat* bersama imam tiba-tiba datang seorang tua membaca takbir di kiri saya untuk sembahyang jumaat.

Selepas itu ia pun duduk membaca *al-Tahiyyat* bersama orang ramai dan apabila imam memberi salam maka ia pun bangun dengan serta merta, manakala cukup dua rakaat ia pun membaca *al-Tahiyyat* pula kemudian memberi salam untuk menyudahkan sembahyangnya itu. Menurut hukum dalam kitab *feqah* bahawa sembahyang Jumaat semacam orang tua ini tidaklah sah dan tidak terpakai sama sekali. Di sini saya

percaya bahawa dengan wāsatah penyelia-penyelia yang telah dilantik oleh kerajaan itu tidak boleh dibetul dan disempurnakan berkenaan amal ibadah orang-orang kampung jikalau tidak dengan pertolongan dari guru-guru dan lebai-lebai yang ada di kampung masing-masing dan gaji yang diberi kepada penyelia-penyelia itu menjadi rugi sahaja kepada kerajaan kerana tiada mendatangkan faedah kepada orang-orang kampung sebagaimana yang dikehendaki, saya fikir wang-wang yang digaji kepada penyelia-penyelia itu lebih

- 1) Bolehkah atau tidak mengusung Quran dengan keadaan yang begitu dengan genjuk tarì mereka?!
- 2) Bolehkah lelaki perempuan bercampur sama dalam perarakan itu sedangkan berpandangan-pandangan lelaki perempuan itupun ditegah syarak?
- 3) Kenapakah pada tahun-tahun yang telah lalu tidak diadakan seperti ini. Dan bagaimana pula tinjauan tuan pada tahun yang kebelakangan?
- 4) Pernahkan upacara yang sebegini meriah dilakukan di zaman Nabi dahulu?
- 5) Jika sekiranya tidak pernah, kenapa sekarang diadakan dan dari siapa punca terbitnya dan apa tidakan yang akan diambil?

Jawab: Menyambut perayaan-perayaan Maulid, Mikraj, Nuzul al-Qur'an itu tidak pernah diadakan oleh junjungan kita Muhammad (SAW). Dan mengerjakannya itu tidak ada alasannya bahawa itu suruhan dari al-Qur'an atau hadis Nabi. Hanya dua hari sahaja yang dirayakan iaitu Hari Raya fitrah dan hari raya korban. Di negeri-negeri Arab seperti di Hijjaz umpamanya, perayaan-perayaan maulid Nabi tidak pernah dirayakan dan

baik diberi kepada guru-guru dan lebai-lebai kampung supaya mereka giat lagi pada memajukan pelajaran-pelajaran agama di kampung masing-masing. Adakah patut bagi saya menulis surat berkenaan perkara ini kepada Setiausaha Kerajaan atau kepada Tuan Mufti Kelantan?

Jawab: Sebenarnya pernyataan saudara ini atau terangnya fikiran saudara patut benar disampaikan pada Setiausaha Kerajaan atau Mufti Kelantan sendiri supaya lebih jelas apa yang saudara kehendaki. Kami menyiarkan pernyataan ini hanya untuk memberi perhatian dan pendapat serta pengertian kepada mereka dalam hal ini, bukanlah pesertaan kami.

\*\*\*

Abdullah Kasim, Kebun Ubi bertanya: Bolehkah tuan memberi keterangan mengapa maka Indonesia sekarang terjadi perpecahan di dalam angkatan darat dalam mana dua pertiga dari daerah Sumatera itu telah mengisyiharkan bahawa mereka tidak kena mengena lagi dengan kerajaan pusat di Jakarta?

Jawab: Langkah atau keadaan yang berlaku di Sumatera itu sebenarnya adalah sambungan-sambungan dari perasaan tidak puas hati oleh anggota-anggota angkatan darat terhadap layanan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka, iaitu perkara-perkara yang selain daripada angkatan darat digunakan oleh beberapa pimpinan untuk menegakkan kedudukannya di dalam pemerintahan di Indonesia,

Keterangan-keterangan ketidak puas hati itu zahir dan terang tersiar dengan sebegitu rupa di akhbar-akhbar Indonesia sehingga ketua siksi (bahagian) pertahanan dalam Parlimen Indonesia, Tuan Sharif Uthman, pernah mengatakan bahawa asrama tempat tinggal tentera di daerah-daerah Sumatera tidak layak untuk kandang binatang apa lagi untuk manusia. Daripada kenyataan ini zahir bahawa perasaan ketidak puas hati semakin merebak

terutama pula apabila pemimpin-pemimpin dan penganjur-penganjurnya hidup mewah dan presiden mengeluarkan berpuluhan-puluhan *million* rupiah pula untuk kesenangan dan kelapangannya pergi melihat negeri-negeri asing sedang disebalik itu tentera dan amnya rakyat jelata hidup di bawah kolong-kolong rumah, di bawah jambatan-jambatan, di bawah lubang-lubang tempat berteduh sehingga pernah dikatakan kehidupan mereka lebih menderita daripada masa penjajahan dahulu. Segala rencana-rencana yang dibuat oleh angkatan darat untuk kebaikan itu dikebelakangkan dan di sebalik itu, ada pula sebahagian dari angkatan darat umpamanya di Sumatera Utara dan di Maluku, yang terpaksa menjualkan barang-barang negeri dan mengambil hasilnya sendiri bukan untuk diberi tetapi untuk penyelenggaraan yang mustahak diadakan bagi kebaikan anggota-anggota angkatan darat yang di bawah tanggungannya. Kolonel Simbolon sendiri pernah juga berbuat demikian di Sumatera Utara dan pernah juga berlaku di Sulawesi dan perkara ini menjadi ribut di seluruh Indonesia. Mengapa maka terjadi yang demikian itu? Inilah tentunya terbit pernyataan pada diri saudara

Dapatkanlah

## TAKWIM QALAM 1957

Jika lambat tentu tuan akan kecewa!!

Cetakannya mengatasi seluruh percetakan Melayu!

Indah sungguh untuk hiasan dan panduan!!

Senaskah (harian) 80 sen-

bulanan \$1.00 tambah pos 10 sen.

sebab-sebabnya yang utama ialah hampir-hampir 90% daripada hasil-hasil daerah itu di bawa ke pusat dan sepuluh peratus sahaja yang dibawa ke daerah-daerah itu untuk pembangunan dan untuk bahagian ketenteraan dan seumpamanya. Oleh kerana itu maka perasaan tidak puas hati timbul di daerah-daerah itu supaya daerah-daerah itu dijadikan daerah autonomi, yang berkuasa mentadbirkan daerah mereka sendiri.

Perasaan itu dengan kuat dan tegas dinyatakan mereka.

Di sebalik itu ada pun perkara-perkara yang lain di sekitar mempengaruhi angkatan darat itu supaya boleh digunakan untuk menegakkan kedudukan perseorangan tegasnya kedudukan Presiden sendiri maka itulah boleh dipandang bahawa untuk melemahkan angkatan darat maka kesatuan angkatan darat itu dipecah-pecahan.

Kerana tujuan inilah dikatakan mana-mana panglima-panglima yang tidak digemari atau yang dipandang banyak pengaruhnya kepada angkatan darat dan boleh membahagikan kepada kedudukan presiden dan Partai Nasionalistnya maka panglima-panglima itu dicari jalan menurunkan pangkatnya dan digantikan tempat-tempat itu dengan orang-orang yang dipercayai akan taat kepada Presiden Sukarno. Sebab itulah maka terjadi peristiwa 17 Oktober 1952, di mana satu serbuan

kepada Dewan Perwakilan Rakyat telah dilakukan oleh angkatan darat. Untungnya kejadian itu tidak merebak dan dapat diselesaikan dengan sebegini rupa sekalipun ada anasir-anasir yang menuntut atau mengapi-apikan supaya mereka yang dipandang berkaitan dihukum. Dengan kebijaksanaan dan kerjasama yang baik dan dengan memandang kasih sayang kepada negara maka tercantumlah suatu piagam Jogja yang yang didasarkan kepada permesyuaratan tentang menurunkan atau memindahkan pegawai-pegawai ke lain-lain bahagian,

Tetapi tidak berapa lama kemudian timbul lagi ketegangan-ketegangan dalam angkatan darat yang pada masa itu yang menjadi wakil staf angkatan darat Kolonel

Zulkifli Lubis dengan terang-terang telah tidak berpuas hati atas perhatian kerajaan terhadap orang yang makan suap, yang terdiri daripada pegawai-pegawai pemerintah yang bertanggungjawab. Oleh kerana itu maka di desak supaya Jemaah Menteri Ali-Arifin diturunkan dan diganti dengan Jemaah Menteri Burhanuddin yang menghendaki supaya undang-undang yang mengenai makan suap itu diadakan dan kuat kuasanya dijalankan,

Demikian apabila Jemaah Menteri Burhanuddin Harahap ditubuhkan ia mendapat sokongan kuat dari tentera dan Jemaah Menteri itu telah berjaya membuat rang undang-undang mengenai makan suap tetapi malangnya apabila dikemukakan untuk ditanda tangani kepada Presiden Presiden enggan mengesahkannya. Sebab-sebabnya, umum diketahui di Indonesia, bahawa apabila undang-undang makan suap itu dijalankan sudah tentu orang-orang yang menjadi anak emas Presiden tegasnya orang-orang Partai Nasional Indonesia yang akan lebih banyak menderita atau akan banyak terabit di dalamnya. Kerana keadaan-keadaan pilihan raya tercapai maka Jemaah Menteri Burhanuddin Hararap terpaksa meninggalkan kuasanya dan dengan itu tempatnya diganti oleh jemaah menteri yang dipilih oleh rakyat yang ada sekarang.

Dalam masa inilah terjadi pula suatu perkara di dalam mana menteri luar negeri Roslan Abdul Ghani akan berangkat ke luar negeri yang telah diperintahkan tangkap oleh Kolonel Kawilarang, atas tuduhan bersubahat dalam kerja kecurangan di sebuah percetakan dan menerima suap. Pada masa itu kebetulan Roslan Abdul gahni akan berangkat ke luar negeri dan tangkapannya dihalangi oleh ketua staf angkatan darat dan dilindungi oleh perdana menteri Ali Sastro midjojo sendiri. Berita itu tersiar dengan luasnya di surat khabar harian "Indonesia Raya" yang dipimpin oleh Tuan Mochtar Lubis.

Dalam perkara ini untuk menjaga nama baik

Menteri Luar itu Jemaah Menteri telah mengadakan panitia penyiasatan yang terkenal dengan nama “Panitia Penyiasatan Mr Rom” dan mengeluarkan satu kenyataan bahawa Roslan Abdul Ghani bersih dari segala tuduhan itu. Pada masa itu Kolonel Zulkifli Lubis yang bakal dipindahkan ke Sumatera dengan tegas menyatakan pada akhbar bahawa yang batal itu mesti dihapuskan.

Daripada kenyataan ini terbitlah pertentangan di antara Kolonel Zulkifli Lubis dengan ketua angkatan perang. Dan

Kolonel Kawilarang, yang menjadi panglima tentera Jawa Barat itu diturunkan jawatannya dan ia dijadikan wakil tentera di kedutaan luar negeri. Tetapi dasarnya walaubagaimana menyelimuti yang buruk itu amat sukar dan baunya akan terkeluar juga.

Apabila Tuan Mochtar Lubis pengarang “Indonesia raya” dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan melakukan tuduhan-tuduhan palsu maka di sana dengan beraninya ia telah mengemukakan 14 gambar surat-surat yang mengenai perbuatan Roslan Abdul Ghani dan gambar-gamabar itu adalah menjadi ssaksi nyata bahawa sebenarnya Roslan Abdul Ghani telah melakukan pekerjaan yang curang dalam jawatannya sebagai seorang menteri.

Ini menimbulkan lagi keributan-keributan yang hebat dan dalam keributan inilah nampaknya di cari jalan untuk menuju Kolonel Zulkifli Lubis sebagai baying keldai dari perkara-perkara itu.

Harus kerana memandang bahawa ia akan ditangkap, -Kolonel Zulkifli Lubis telah menghilangkan diri tetapi masih berada di dalam masyarakat di Jawa. Ia dituduh oleh Perdana Menteri Ali Sastroamidjojo hendak menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang dengan kekuasaan tentera, tetapi tuduhan-tuduhan itu dinafikan oleh beberapa panglima-panglima Indonesia seperti Kolonel Abimayu dari Kalimantan Selatan dan juga Kolonel Siyumbulun yang melakukan gerakan Sumatera Selatan sekarang ini, yang

telah mendirikan sebuah kerajaan yang tidak ada sangkut pautnya dengan kerjaan pusat di Jakarta.

Kolonel Zulkifli Lubis dengan tegasnya menyatakan bahawa pemerintahan yang ada sekarang adalah pemerintahan curang yang membahayakan keselamatan negara dan rakyat dan menghendaki pemimpin-pemimpin seperti Dr Hatta, Hamengku Buwono dan lain-lainnya yang Jogja duduk dalam pemerintahan untuk menyelamatkan segala kecurangan yang berlaku di Indonesia sekarang ini.

Daripada keterangan dan gambaran ini, dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa terjadinya kejadian-kejadian yang tidak dikehendaki di Indonesia sekarang ini bukannya dimasuki oleh anasir-anasir yang bakal merosakkan kesatuan Indonesia tetapi terbitnya ialah kerana langkah-langkah kerajaan memewahkan sebahagian, terutama orang-orang P.N.I sendiri, dan penderitaan rakyat tidak diendahkan langsung sehingga kesejahteraan dan kemakmuran sebuah negara yang merdeka dan kaya raya itu tidak dapat dikecap oleh rakyat-yang mengecap hanya pemimpin-pemimpin belaka dan oleh sebahagian kecil manusia dan pegawai-pegawai luar negeri menteri-menteringan hingga menjolok mata kerana sebahagian hidup mewah dan sebagiannya menderita, menderita dengan penderitaan pedih, hidup dibawah jambatan-jambatan dan mandi dalam sumur-sumur yang tidak akan sanggup dilakukan oleh orang-orang kita seperti di semenanjung ini.

Penderitaan semakin menjadi-jadi sedang krisis moral semakin hidup. Inilah punca ketidakpuasan hati itu menjadi sebab di daerah-daerah sekarang terutamanya tentera-tentera yang tempat-tempatnya, asrama-asramanya tidak layak bagi mereka hanya layak bagi kandnag binatang seperti yang disebut oleh Tuan Sharif Uthman itu. Kami rasa memadai secara sepantas lalu menjawab pertanyaan saudara.\*\*\*